

KATA ALU-ALUAN

Wong Bitt Lee, Pengetua Sekolah Tinggi Kota Kinabalu



Salam sejahtera, Salam *Dare to Change* kepada semua murid tingkatan satu sesi persekolahan 2021.

Terlebih dahulu ingin saya mengalu-alukan kedatangan murid baharu tingkatan satu sesi persekolahan 2021 ke Sekolah Tinggi Kota Kinabalu. Suasana sekolah menengah amat berbeza dengan sekolah rendah, saya berharap anda semua dapat menyesuaikan diri dengan budaya alam sekolah ini dalam masa yang tersingkat. Anda perlu berkenalan dengan rakan-rakan seumur yang baharu bertemu di sini selain dan abang-abang kakak-kakak yang lebih berumur daripada anda. Anda perlu lebih berdikari dan berdisiplin di sekolah menengah memandangkan tahap akademik adalah lebih sukar. Justeru anda perlu bersemuka dengan guru bila menghadapi masalah. Bagi anda yang lemah dalam Bahasa Kebangsaan, anda perlu belajar dengan lebih rajin untuk menguasai Bahasa Kebangsaan supaya anda dapat menguasai semua mata pelajaran yang dikendalikan dalam Bahasa Kebangsaan. Pada masa yang amat kritikal ini, anda juga perlu sentiasa menjaga kebersihan dan kesihatan serta mematuhi SOP normal baharu demi mencegah penularan pandemik Covid-19.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi serba sedikit latar belakang Sekolah Tinggi Kota Kinabalu dengan anda semua. Sekolah kita mempunyai latar belakang yang berbeza dengan sekolah-sekolah lain di mana sekolah kita merupakan sekolah *conforming* yang disokong oleh Lembaga Pengelola Sekolah. Bangunan dan tanah sekolah adalah dimiliki oleh Lembaga Pengelola Sekolah. Lembaga Pengelola Sekolah telah menggunakan jangka masa yang panjang untuk membangunkan sekolah kita yang serba kekurangan pada peringkat awal sehingga memiliki kemudahan-kemudahan yang lengkap sekarang. Justeru itu, anda perlu mempunyai semangat cintakan sekolah anda, menghargai segala kemudahan yang disediakan kepada anda serta belajar dengan bersungguh-sungguh demi menjadi seorang insan modal yang berguna kepada masyarakat. Apabila anda tamat persekolahan di sekolah ini, pasti juga anda sentiasa mengingati sekolah anda.

Sekian terima kasih.

大家好，我在此热烈欢迎即将在亚庇中学升学的新同学。

中学与小学的学习环境差别很大，我希望新同学能够在最短的时间内适应中学的新环境。升入中学同学们必须学习自立与自律，要是遇到难于解决的问题，必须主动向老师请教。那些国语基础不好的同学，必须加倍努力学习国语以便能够掌握其它以国语教学的科目。当前我们正面对严重的新冠疫情，同学们必须时时刻刻注意卫生和身体健康，并且遵守新常态的标准程序，以阻止疫情散播。

同学们作为庇中的学生必须了解本校的背景。庇中是一所改制中学，这是本校与其它学校最大的不同之处。庇中董事部在建校过程中扮演着重要的角色。本校的校地和建筑都是属于董事部的。当年简陋的学校和设备，历经董事部和社会热心人士多年艰苦的奋斗，终于建成了今天堂皇的校舍和完善的设施。希望同学们要好好地爱护学校的设备，并且努力求学，以便日后成为对社会有贡献的人，同时要记得饮水思源，回馈母校。